



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PENYERAHAN SEBAHAGIAN JALAN PERSEKUTUAN FT115,
JALAN KUALA TERIANG – PANTAI TENGAH, PULAU LANGKAWI KEPADA
KERAJAAN NEGERI KEDAH**

LANGKAWI – Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof hari ini hadir menyempurnakan Majlis Penyerahan Sebahagian Jalan Persekutuan FT115 iaitu Jalan Kuala Teriang – Pantai Tengah, Pulau Langkawi kepada Kerajaan Negeri Kedah bagi menyokong usaha Kerajaan Negeri Kedah dalam merencanakan pembangunan setempat.

Jalan Persekutuan FT115 adalah penghubung dari Jalan Kuala Teriang ke Pantai Tengah, Pulau Langkawi sepanjang 9.26 kilometer. Kawasan yang terlibat untuk pembatalan warta adalah jalan dari Hotel Casa Del Mar (selepas persimpangan Jalan Bohor Tempoyak) sehingga persimpangan Jalan Pantai Tengah.

Jumlah keseluruhan Jalan Persekutuan di Pulau Langkawi adalah sepanjang 195km. Sehingga kini, KKR telah memperuntukkan sebanyak RM 2.76 juta bagi tujuan kerja pembaikan dan penyenggaraan keseluruhan Jalan Persekutuan di Pulau Langkawi bermula Januari sehingga Mei 2022.

Susulan daripada inisiatif pihak Kerajaan Negeri Kedah melalui *Blue Print* Pelancongan *Revitalised* Chenang di bawah kelolaan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Bahagian Perancang Ekonomi Kedah Darul Aman, pihak kerajaan negeri Kedah telah merancang kerja-kerja menaik taraf sebahagian jajaran jalan ini di bawah pelaksanaan Projek Chenang Waterfront.

Bagi menyokong usaha dan dedikasi pihak Kerajaan Negeri Kedah, penyerahan sebahagian jajaran Jalan Kuala Teriang – Pantai Tengah (FT115) iaitu Jalan Pantai Chenang adalah wajar dan dijangka mampu menambah baik tahap keselesaan kepada pengguna jalan raya, penduduk setempat selain pelancong tempatan dan luar negara apabila projek ini siap kelak.

4 JUN 2022
KEMENTERIAN KERJA RAYA

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur